

Praktis Topikal

备考全能通

Ujian Akhir Sesi Akademik

Tahun

4

年级

Dayne Azmin
Ain Nadhirah Mohd S

国文

Bahasa Melayu

- Ditulis mengikut format  Ujian Akhir Sesi Akademik
- Berdasarkan tema yang terdapat dalam buku
- Merangkumi bahagian tatabahasa, pemahaman dan penulisan
- Mengandungi UPSA, Pra-UASA dan UASA
- Jawapan lengkap disediakan

Tema 4**Indahnya Budaya,
Halusnya Seni**

Buku Teks (m.s. 61 ~ 75)

Bahagian A**Tatabahasa****Soalan 1 dan 2**

Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. "Pemuda yang _____ itu sepupu saya yang menetap di Singapura," kata Mei Leng kepada Aina.
- A ayu 美(女子) muda 年轻
B comel mudah 容易
C cantik
D tampan 帥(男)
2. Aiman lebih tinggi _____ Aidil.
- A di
B dari
C pada
D daripada

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3.
- I Harum sungguh bau bunga mawar ini.
II Suara penyanyi itu sungguh kesat. 粗
III Wah, cantik betul rasa kuih lapis ini!
IV Permukaan labu sayong ini sangat licin. 滑
- A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

Pemahaman Petikan: Teks Tunggal

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tarian zapin merupakan (tarian tradisional) masyarakat Melayu yang terkenal di negeri Johor. Tarian ini mempunyai keunikannya yang tersendiri. Tarian ini dianggap sebagai warisan seni bagi negeri di selatan tanah air itu.

Pada awalnya, tarian zapin ditarikan oleh kaum lelaki sahaja. (Perkembangan) dan (penyebaran) secara meluas kemudian menyebabkan tarian ini mula ditarikan secara berpasangan antara lelaki dengan wanita.

Tarian zapin diiringi oleh muzik tradisional seperti Lancang Kuning, Ya Salam, Naan Sidi dan banyak lagi. Para penari akan memakai pakaian tradisional Melayu, iaitu baju Melayu bagi penari lelaki dan baju kurung atau kebaya bagi penari wanita.

Di samping itu, tarian zapin ini secara simboliknya mempamerkan kepentingan kerjasama berbanding dengan usaha individu. Oleh sebab itu, tarian ini mampu mewujudkan persaudaraan yang kuat antara penari dengan pemuzik apabila sikap persaingan antara penari dengan pemuzik dapat dibuang.

Sehingga kini, populariti tarian zapin masih kekal dan tidak pudar ditelan zaman. Diharapkan tarian tradisional ini akan terus mendapat tempat di hati masyarakat.

4. Petikan di atas membincangkan tentang
- A tarian lilin. B tarian inang.
C tarian zapin. D tarian asyik.
5. Berikut merupakan simbolik bagi tarian zapin, kecuali
- A mempamerkan sikap kerjasama antara penari dengan pemuzik.
B mempamerkan rasa persaudaraan antara penari dengan pemuzik.
C mempamerkan usaha berkumpul antara penari dengan pemuzik.
D mempamerkan sikap persaingan yang tinggi antara penari dengan pemuzik.
6. Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan.
- A Tarian zapin terkenal di negeri Pulau Pinang.
B Tarian zapin pada awalnya ditarikan oleh kaum lelaki.
C Penari memakai pakaian tradisional seperti baju Melayu dan baju kurung.
D Tarian zapin diiringi oleh muzik tradisional seperti Lancang Kuning, Ya Salam dan Naan Sidi.

Pemahaman Petikan: Teks Pelbagai

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam Bahan 1 dan Bahan 2 dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1



BAHAN 2

BUNGA MANGGAR

Bunga manggar ^{是 摆设 时常} merupakan hiasan penting yang sering digunakan dalam majlis keramaian orang Melayu di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.

Bunga manggar diperbuat daripada kertas atau plastik yang berwarna-warni. Kertas ini dililit ^{缠紧} pada batang lidi dan dicucuk ^{刺入} pada buah betik muda. Setelah siap, buah betik dicucuk pada batang buluh atau kayu sebagai pemegang. ^{握柄}

Bunga manggar digunakan untuk mengiringi pasangan pengantin dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu. Bunga manggar juga berperanan sebagai penunjuk arah ke lokasi majlis perkahwinan. Bunga manggar akan diletakkan pada papan tanda atau di simpang masuk ke lokasi majlis. Tujuannya adalah untuk membantu tetamu mengetahui lokasi majlis. ^{跟着 角色/任务 成为 指示牌 目的}

^{客人 知道 地点}

7. Majlis perkahwinan tersebut akan diadakan pada

- A 25 Oktober 202_.
- B 25 November 202_.
- C 20 Disember 202_.
- D 22 November 202_.

Kertas ini dililit pada batang lidi dan dicucuk pada buah betik muda.

8. Penjodoh bilangan yang sesuai bagi perkataan yang bergaris di atas ialah

- A keping.
- B naskhah.
- C helai.
- D bidang.

9. Perkataan *majlis* dalam Bahan 1 dan Bahan 2 boleh digantikan dengan perkataan

- A sambutan. 庆典
- B program. aktiviti
- C ceramah. 讲座会
- D upacara. 典礼

10. Pilih pernyataan yang benar tentang Bahan 1 dan Bahan 2 di atas.

- A Majlis perkahwinan berlangsung pada hari Ahad.
- B Bunga manggar diperbuat daripada kertas yang berwarna putih.
- C Bunga manggar digunakan sebagai hiasan dalam majlis keramaian orang Melayu.
- D Bunga manggar digunakan untuk mengiringi pasangan pengantin dalam majlis perkahwinan masyarakat India.

Bahagian B

Pemahaman Petikan dan Tatabahasa

Soalan I

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

wartawan 记者
wawancara 采访
pewawancara 访问者

Saya, Azmi bin Khalid, iaitu pengarang majalah sekolah telah mewawancara seorang murid beragama Hindu, iaitu Kasturi Muthusamy tentang perayaan Hari Deepavali yang akan disambut tidak lama lagi. Berikut ialah hasil wawancara tersebut.

Azmi : Apakah maksud perkataan Deepavali?

Kasturi: Deepavali merupakan gabungan daripada perkataan "Dipa" yang bermaksud cahaya, manakala "Gavali" yang bermaksud barisan dari sudut bahasa.

Azmi : Bilakah Hari Deepavali ini disambut?

Kasturi: Deepavali disambut pada hari ke-14 bulan Aipasi dalam kalendar Tamil, iaitu antara bulan Oktober dan November.

Azmi : Bagaimanakah kamu menyambut Hari Deepavali?

Kasturi: Pada malam sebelum Hari Deepavali, kami akan mengadakan upacara memasang pelita atau lampu minyak yang dikenali sebagai "vilakku". Kemudian, kami akan menyediakan "kolam" atau "rangoli", iaitu aktiviti menyusun beras atau hampas kelapa yang telah diwarnakan.

Azmi : Adakah aktiviti lain yang dilakukan selain penyediaan kolam dan "vilakku" semasa Hari Deepavali?

Kasturi: Ada. Kami juga akan melakukan upacara mandi bijan dan menziarahi rumah saudara-mara serta menjamu manis dan hidangan tradisional.

Azmi : Apakah simbolik bagi upacara mandi bijan?

Kasturi: Menurut kepercayaan kami, mandi bijan bertujuan untuk menyucikan badan dan jiwa.

Azmi : Baiklah, saudari Kasturi. Saya mengucapkan selamat Hari Deepavali kepada saudara dan terima kasih juga kerana sudi berkongsi maklumat tentang makna dan simbolik perayaan Deepavali bagi masyarakat India.

Kasturi: Terima kasih kembali.

I. (a) Perkataan Deepavali bermaksud _____

(b) Apakah tujuan upacara mandi bijan diadakan?

(c) Bulatkan satu kata sendi nama yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Deepavali merupakan gabungan daripada perkataan "Dipa" yang bermaksud cahaya, manakala "Gavali" yang bermaksud barisan.

(d) Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Pada malam sebelum Hari Deepavali, kami akan mengadakan upacara memasang pelita atau lampu minyak yang dikenali sebagai "vilakku".

Upacara memasang pelita atau lampu minyak yang dikenali sebagai "vilakku" akan kami adakan pada malam selepas Hari Deepavali.	
Kami akan mengadakan upacara memasang pelita atau lampu minyak yang dikenali sebagai "vilakku" pada malam sebelum Hari Deepavali.	

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Grafik di bawah menunjukkan tentang sambutan hari perayaan di sekolah.

Tuliskan pendapat kamu tentang kepentingan sambutan hari perayaan di sekolah.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawaban kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.

Kepentingan Sambutan Hari Perayaan di Sekolah

